

21/06/1999

Penjelasan Presiden senjata ampuh

PEMIMPIN Umno menyifatkan Perhimpunan Agung Umno kali ini sebagai persediaan terbaik untuk menghadapi cabaran parti pembangkang dalam pilihan raya umum akan datang.

Mereka sependapat bahawa penjelasan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai senjata ampuh untuk bertindak balas terhadap dakyah dan penyelewengan parti pembangkang diketuai Pas.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, menyifatkan ucapan penggulungan oleh Dr Mahathir sebagai penjelasan bagi beberapa isu supaya ia tidak terus mengelirukan dan menghantui ahli Umno bagi membolehkan mereka menghadapi agenda yang lebih besar khususnya pilihan raya.

Beliau yang juga Menteri Pendidikan, berkata Dr Mahathir berhak menjelaskan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana ia penting kepada ahli Umno dan rakyat.

"Dengan penjelasan ini, ia akan memperkukuhkan lagi keyakinan ahli Umno dan rakyat jelata, dan yang lebih penting rakyat mengetahui sebab tindakan itu dilakukan," katanya.

Mengenai perbandingan antara Umno dan Pas yang digariskan oleh Perdana Menteri, Najib berkata, Dr Mahathir memberi analisis yang tajam mengenai perkara asas antara kedua-dua parti itu.

Justeru, beliau berharap ahli Umno menggunakan asas yang digariskan itu apabila berhadapan dengan penyokong Pas.

"Saya percaya penjelasan ini boleh dihuraikan lagi dan dijadikan asas untuk berjuang habis-habisan menentang Pas," katanya.

Pemangku Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata penjelasan Presiden membuktikan perjuangan Umno adalah tetap relevan dan perpaduan ahli terus utuh.

Katanya, usaha yang perlu dilakukan sekarang ialah untuk memastikan perpaduan rakyat dengan mendampingi golongan yang berasa tersisih daripada perjuangan Umno seperti golongan muda dan pelajar.

"Perpaduan di semua peringkat parti adalah kukuh, hasrat kita untuk merapatkan barisan sudah berjaya" katanya.

Ahli Majlis Tertinggi (MT), Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata perwakilan menunjukkan semangat tinggi dan ini bukti ahli Umno kini bersedia menghadapi pilihan raya pada bila-bila masa.

Beliau berkata, dengan wujudnya semangat yang begitu kukuh menggerakkan Umno, sudah tentunya akan memperkukuhkan parti.

"Perpaduan kita mantap, mutu perbahasan pun bagus. Ahli pun bercakap semuanya mengenai perpaduan parti dan kekuatan parti," katanya.

Ahli MT, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata perhimpunan agung kali ini amat berjaya dengan ahli mendapatkan maklumat paling tepat mengenai isu semasa.

Perwakilan bukan saja menerima maklumat tepat yang memberi keyakinan kepada mereka malah boleh menyalurkannya ke akar umbi.

Ahli MT, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata banyak lagi perbandingan yang boleh dibuat untuk menggambarkan perbezaan antara Umno dengan Pas.

Menurutnya, pemimpin Umno berjuang kerana tanggungjawab kepada orang Melayu dan Islam, sebaliknya Pas hanya pandai memukul canang tetapi tidak melakukan apa-apa.

"Bagi saya Pas dan Umno sama seperti hitam dan putih. Jauh berbeza yang menyebabkan orang Melayu lebih suka memilih Umno berbanding parti yang mendakwa mewakili Islam," katanya.

Menurutnya, penerangan Presiden Umno akan membolehkan pemimpin di akar umbi melawan segala hujah parti lawan.

Ahli MT, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata ucapan Presiden menepati bukan saja berhubung isu Anwar dan menjawab segala tuduhan Pas. Menurutnya, pemimpin Umno sekarang mempunyai hujah untuk menentang dan menjawab tuduhan Pas.

"Hujah yang dibentangkan Perdana Menteri akan menjadi panduan dan keyakinan baru kepada ahli parti untuk melawan hujah Pas sekali gus memenangi pilihan raya akan datang," katanya.

Ahli MT, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata ucapan Presiden yang begitu baik dan terperinci dapat memperjelaskan kepada masyarakat umum sikap sebenar Anwar dalam parti dan kerajaan.

Katanya, rakyat akan menerima penjelasan Dr Mahathir mengenai Pas kerana perbezaan yang digariskan begitu jelas walaupun banyak lagi perkara yang tidak disentuh.

"Semua itu adalah fakta tepat yang sepatutnya dinilai oleh orang Islam dan rakyat Malaysia lain," katanya.

Veteran Umno, Datuk Dr Rais Yatim, berkata penjelasan Dr Mahathir memberi ahli parti modal dan bahan cukup lengkap bagi memerangi dakwah Pas.

Menurutnya, selama ini Umno tidak menyusun senarai perbezaan dengan Pas kecuali dalam beberapa majlis oleh penceramah biasa.

(END)